





RAJAH 1

1. Rajah 1 menunjukkan carta organisasi bengkel.

Apakah tugas utama bagi X?

- A. Membuka dan menutup tingkap dan pintu bengkel.
- B. Mengumpul dan menyimpan baki bahan kerja dan projek.
- C. Memastikan setiap pelajar menjalankan tugas mengikut jadual
- D. Menyusun dan membersihkan mesin mudah alih dan alatan tangan




RAJAH 2

2. Antara berikut alatan yang manakah digunakan untuk melukis pandangan seperti Rajah 2?

- I. Sesiku set
- II. Sesiku T
- III. Sesiku L
- IV. Jangka lukis

- A. I, II, dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV




RAJAH 3

3.. Rajah 3 menunjukkan paksi lukisan isometrik.

Sudut R ialah


- A. 15°
- B. 30°
- C. 45°
- D. 90°






RAJAH 4

5. Pandangan arah X pada rajah 4 ditunjukkan oleh

A




B





SULIT

C



D




RAJAH 5


5. Rajah 5 menunjukkan pelan dan pandangan hadapan satu objek.

Antara berikut, manakah lukisan isometrik yang mewakili rajah itu?


A




B




C



D






RAJAH 6

6. Antara berikut, pernyataan yang manakah yang paling tepat menerangkan Rajah 6


- A. Perubahan dalam teknologi.
- B. Perubahan dalam reka bentuk produk
- C. Perubahan dari segi ketahanan reka bentuk
- D. Perubahan dari segi kos yang tidak membebankan.



RAJAH 7

7. Antara berikut, faktor yang manakah yang perlu diambil kira supaya produk pada Rajah 7 mendapat sambutan di pasaran?

- I. Proses pembinaan yang rumit
 - II. Mengutamakan nilai kormesil
 - III. Rupa bentuk menarik
 - IV. Pemilihan bahan yang mahal
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV



RAJAH 8

8. Rajah 8 menunjukkan sebatang kayu yang hendak dipotong.


Antara berikut pelarasan tolok serong yang manakah yang betul menanda garisan 30° ?

- A. 100°
- B. 120°
- C. 150°
- D. 160°

Batu Pahat, 12 April seorang pelajar cedra setelah terjatuh dari kerusinya yang patah kakinya. Kejadian ini berlaku ketika pelajar berkenaan sedang duduk belajar di dalam bilik darjahnya

9. Antara berikut yang manakah tidak menepati faktor utama reka bentuk kerusi dalam kenyataan di atas?

- A. Fungsi
- B. Kemasan
- C. Ketahanan
- D. Rupa bentuk




RAJAH 9

10. Rajah 9 menunjukkan reka bentuk satu projek.

Apakah pengikat yang paling sesuai digunakan untuk cantuman di X

- A. Skru
- B. Paku
- C. Ribet
- D. Glu sentuh






RAJAH 10

11. Rajah 10 menunjukkan perintang tetap yang telah dipateri pada bod litar. Antara alatan berikut yang manakan yang paling sesuai digunakan untuk memotong bahagian yang bertanda X

- A. Playar muncung tirus
- B. Pemoyong sisi
- C. Playar gabung
- D. Penjalur wayar

12. Antara berikut yang manakah simbol sel kering?

- A. 
- B. 
- C. 
- D. 


W	Kos Pengeluaran	Perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menghasilkan sesuatu produk
X	Kos Upah	Kos yang digunakan secara berterusan atau

		untuk satu jangka masa tertentu
Y	Kos Bahan	Kos bayaran tambang pengangkutan bahan mentah produk
Z	Kos Overhed	Kos bayaran tenaga kerja dalam menyiapkan produk

JADUAL 1

13. Jadual 1 menunjukkan jenis kos dan keterangannya. Antara berikut, pasangan yang manakah benar?

- A. W
- B. X
- C. Y
- D. Z



RAJAH 11

14. Berdasarkan Rajah 11 di atas, tiub sifon adalah bahagian yang berlabel

- A. L
- B. M
- C. N
- D. O



RAJAH 12

15. Rajah 12 menunjukkan air yang menitis melalui bahagian muncung pili. Keadaan ini disebabkan oleh

- I. pili ditutup dengan longgar.

- II. pili ditutup dengan ketat
- III. sesendal pili telah haus
- IV. sambungan tidak dililit dengan pita PTFE

- A I dan II
- B I dan III
- C .II dan III
- D .II dan IV


16. Cat digunakan untuk kemasan projek kayu tempat mengalas pasu tumbuhan hiasan. Kenyataan berikut manakah benar tentang cat?

- A. Dilarutkan dengan thinner
- B. Dilarutkan dengan turpentine
- C. Dilarutkan dengan air
- D. Dilarutkan dengan spirit

17. Seorang pekerja hendak menggerudi beberapa lubang pada bekas tanaman tumbuhan hiasannya. Semasa menggerudi ia telah memakai kaca mata keselamatan. Antara berikut yang manakah langkah-langkah lain yang perlu diambil oleh pekerja itu?

- I. Memakai kasut bertapak getah
- II. Mengepit benda kerja dalam ragum gerudi
- III. Menarik pemegang dengan kuat supaya mata gerudi berputar dengan laju
- IV. Melepaskan pemegang sekali sekala supaya mata gerudi tidak terlalu panas\

- A. I , II , III
- B. I , II , IV
- C. I , III , IV
- D. II , III , IV




RAJAH 13

18. Rajah 13 diatas akan disambungkan kepada sebuah alat elektrik pertanian. Apakah warna wayar yang dipasangkan pada tamatan R?

- A. Biru
- B. Hijau
- C. Kuning
- D. Perang

19. Alat yang sesuai digunakan untuk menguji arus elektrik pada soket 3 pin.

- A. Pemutar skru
- B. Pena ujian
- C. Voltmeter
- D. Wattmeter



Rajah 14

20. Rajah 14 menunjukkan salah satu komponen elektronik yang biasa digunakan di dalam

litar. Manakah yang berikut adalah simbol bagi rajah itu?

A.



B.




C.



D.



21. Antara berikut, manakah cara cantasan yang salah?



22. Semua bahan yang mudah terbakar seperti petrol, thinner dan gas masakan hendaklah dijauhkan daripada
- A. air
 - B. api

- C. matahari
- D. cahaya

23. Bahan penyambung yang sesuai untuk menyambungkan paip BG dengan paip PVC ialah
- A. soket penjodoh
 - B. puting heksagon
 - C. penyuai PT
 - D. penyuai soket injap
24. Diet seimbang ialah
- A. makanan yang dapat membina resisten tubuh
 - B. makanan yang mudah hadam
 - C. makanan yang mengandungi semua nutrien yang diperlukan oleh tubuh dengan kadar yang betul
 - D. makanan yang mudah dan disediakan dengan cepat
25. Tujuan membuat kemasan pada projek adalah untuk
- A. menambahkan kemahiran membuat kemasan
 - B. meningkatkan daya tarikan pengguna
 - C. menambahkan kos pengeluaran barangan
 - D. memperbanyakkan proses pembinaan
26. Apakah kebaikan menyediakan jadual kerja?
- A. pelaksanaan kerja dapat dikawal
 - B. pembinaan projek dapat diurus dengan cepat
 - C. kos penggunaan bahan dapat dijimatkan
 - D. kos membina projek dapat dikurangkan
27. Antara berikut yang manakah boleh digunakan bagi mengumpul data dan maklumat

mengenai sesuatu dan maklumat mengenai sesuatu masalah

- I Lawatan
- II Perbincangan
- III Internet
- IV Pengalaman
- A. I,II dan III
- B. I, III dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I,II,III dan IV

28. Pasangan yang manakah penggunaan alatan memotong yang betul?

A	Gergaji besi – PVC
B	Gergaji jig – kaca
C	Pisau – memotong perspek
D	Gunting besi – mounting board

29. Antara berikut yang manakah perlu dilakukan pada pasu tanah liat yang baru dibeli sebelum digunakan untuk menanam tumbuhan?

- A. Cuci dengan air suam
- B. Rendamkan di dalam air semalaman
- C. Rendamkan dengan larutan formalin semalaman
- D. Sapukan dengan cat licau

30. Sekiranya fabric yang anda sedang jahit tidak bergerak ke hadapan, anda perlu memeriksa bahagian

- A. sekoci
- B. gelendung
- C. gigi penolak

D. skru pemberhenti

31. Perkembangan perniagaan penting kepada sesebuah negara kerana

- I belanja hidup rakyat dapat dikurangkan
- II kadar pengangguran dalam negara boleh dikurangkan
- III hasil negara melalui cukai boleh ditambah
- IV dagangan dengan negara-negara lain dapat ditingkatkan

- | | |
|------------------|-------------------|
| A. I, II dan III | B. I, II dan IV |
| C. I, III dan IV | D. II, III dan IV |

32. Apakah kebaikan pengkhususan dalam proses pengeluaran?

- | | |
|----------------------------|-----------------------------|
| A. menambah keluaran | B. menambah permintaan |
| C. menambah tenaga pekerja | D. menambah kos pengeluaran |

33. Ahmad ingin menubuhkan sebuah perniagaan runcit di Kuala Terengganu dengan menggunakan

nama Kedai Runcit Maju. Antara berikut yang manakah mesti dilakukan oleh Ahmad?

- I mendaftarkan perniagaan
- II mendapatkan pinjaman daripada pihak bank
- III memohon lesen daripada pihak berkuasa tempatan
- IV membuat bayaran RM50 kepada pendaftar perniagaan

- | | |
|------------------|-------------------|
| A. I, II dan III | B. I, II dan IV |
| C. I, III dan IV | D. II, III dan IV |

34. Tiara membeli sekeping coklat berharga RM3.00 dari sebuah pasar raya. Apabila pembalutnya

dibuka beliau dapati kandungannya telah berkulat. Antara berikut yang manakah **bukan** hak Tiara sebagai pengguna?

- A. mendapatkan ganti rugi dalam bentuk wang
- B. mendapatkan gantian barang yang sama nilai
- C. mendapatkan ganti rugi dalam bentuk barang
- D. mendapatkan pampasan atas kerugian

35. Akaun nominal ialah akaun yang digunakan untuk mencatatkan semua

- | | |
|---------------------|---------------------------|
| A. pendapatan | B. perbelanjaan |
| C. urusan jual beli | D. hasil dan perbelanjaan |

36. Peniaga boleh menguji ketepatan catatan bergu dengan menyediakan

- | | |
|----------------------|----------------------|
| A. Imbangan Duga | B. Kunci Kira-Kira |
| C. Akaun Untung Rugi | D. Akaun Perdagangan |

37. Antara berikut yang manakah benar tentang output dalam proses pengeluaran?

- A. Barang siap yang dihasilkan daripada bahan mentah
- B. Proses mengedar barang siap kepada pemborong
- C. Proses pengeluaran barang siap untuk dieksport
- D. Bahan yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu barang

Memudahkan penyimpanan
Menambahkan kos pengeluaran
Membolehkan maklumat disampaikan

38. Pernyataan di atas menunjukkan ciri-ciri yang terdapat dalam satu daripada aktiviti bantuan

perniagaan. Ciri-ciri tersebut termasuk dalam aktiviti

- | | |
|-----------------|-----------------|
| A. pergudangan | B. pengiklanan |
| C. pengangkutan | D. pembungkusan |

39. Antara situasi berikut yang manakah boleh diinsuranskan?

- I Kehilangan wang oleh pekerja yang tidak amanah
- II Kebakaran yang memusnahkan premis perniagaan
- III Kegagalan perniagaan disebabkan hutang yang banyak
- IV Kerosakan stok akibat rusuhan

- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | B I dan III |
| C II dan III | D III dan IV |

40. Wang diperkenalkan dalam sistem ekonomi moden kerana

- I mempunyai nilai yang stabil
- II terdapatnya sistem perhubungan yang baik
- III mudah dibahagikan
- IV wujudnya kemahiran membuat wang

- | | |
|--------------------|---------------------|
| A I sahaja | B I dan III sahaja |
| C II dan IV sahaja | D III dan IV sahaja |

41. Cek merupakan surat perintah yang dikeluarkan oleh pemegang akaun kepada bank.

Antara maklumat yang terdapat di atas sekeping cek ialah

- I nombor cek
- II kod bar
- III nombor pengenalan peribadi
- IV nama bank yang mengeluarkan cek

- | | |
|----------------------|--------------------------|
| A. I sahaja | B. I dan IV sahaja |
| C. II dan III sahaja | D. II, III dan IV sahaja |

42. Antara berikut yang manakah dikelaskan sebagai barang jenis bergerak pantas dalam pengurusan stok?

- I ubi kentang

- II susu tepung
- III ubat sakit perut
- IV beras

- | | |
|------------------------|--------------------------|
| A. I dan II sahaja | B. III dan IV sahaja |
| C. I, II dan IV sahaja | D. II, III dan IV sahaja |

- ❖ Perniagaan runcit besar-besaran yang dijalankan di bawah satu bumbung
- ❖ Menjual makanan, barangan segar dan keperluan harian

43. Pernyataan di atas menerangkan tentang

- | | |
|------------------|--------------------|
| A. pasar raya | B. toko sejaras |
| C. kedai sejaras | D. kedai serbaneka |

44. Antara berikut yang manakah **benar** tentang peranan kerajaan dalam membantu usahawan

tempatan?

- I memberi latihan
- II menyediakan tenaga pekerja
- III menyediakan bantuan kewangan
- IV membeli hasil keluaran yang dihasilkan

- | | |
|--------------|---------------|
| A. I dan II | B. I dan III |
| C. II dan IV | D. III dan IV |

45. Antara berikut yang manakah **benar** tentang harga akibat daripada perubahan permintaan dan pengeluaran?

	Permintaan	Pengeluaran	Harga
A	Tetap	Turun	Turun
B	Turun	Naik	Tetap
C	Naik	Turun	Naik
D	Tetap	Naik	Naik

46. Yang berikut adalah pernyataan tentang hak-hak pengguna **kecuali**

- A. mendapat maklumat tentang barang
- B. mendapat diskaun daripada penjual
- C. mendapat ganti rugi daripada pengeluar
- D. jaminan bahawa barangan yang dibeli menepati maklumat pada label.

47. Antara berikut akta yang manakah memberi perlindungan kepada pengguna yang membeli barang

tahan lama secara ansuran ?

- A. Akta Prihal Dagangan
- B. Akta Timbang dan Sukat
- C. Akta Kawalan Harga
- D. Akta Sewa Beli

48. Usahawan ialah

- A. seseorang yang membeli dengan harga yang rendah dan menjual dengan harga tinggi.

- B. seorang peniaga yang meletakkan keuntungan sebagai sasaran utama.
- C. seorang yang mempunyai daya cipta yang tinggi, tahu menganalisis risiko, rajin dan berkeyakinan tinggi.
- D. seorang yang berniaga untuk mencari keuntungan tetapi tidak mahu menanggung risiko.

49 Yang manakah antara pernyataan berikut menerangkan peranan pemborong ?

- A. menjual barang-barang berkualiti dalam jumlah yang banyak kepada peruncit kecil-kecilan.
- B. mengawal penawaran untuk menstabilkan harga.
- C. memesan barang-barang mengikut keperluan dan kehendak pengguna.
- D. memberi kemudahan kredit kepada pengeluar atau pengilang yang membekalkan barang kepadanya.

50. Sebab utama iklan diperlukan ialah...

- A. iklan menunjukkan kualiti sesuatu barangan
- B. iklan dapat menambahkan jualan barangan yang tidak bermutu
- C. iklan menggalakkan orang ramai membeli sesuatu barangan
- D. iklan diwajibkan untuk barangan yang mahal harganya.

51. Seseorang usahawan yang ingin menjadi terkenal dan berjaya mempunyai sifat.

- A. kebolehan mencipta
- B. berkeyakinan diri
- C. bercita-cita tinggi
- D. berani menanggung risiko

52. Apakah kemudahan atau bantuan yang dapat diperolehi daripada Pusat Pembangunan Usahawan

Malaysia (MEDEC)

- A. bantuan pemasaran hasil pertanian
- B. latihan dan pendidikan keusahawanan
- C. pinjaman modal untuk menjalankan perusahaan secara besar-besaran
- D. perkhidmatan pengangkutan dan pergudangan

53.

Akaun Tunai		Akaun Premis	
Premis	RM 80 000	Tunai	RM 80 000

Urusniaga yang manakah betul bagi menerangkan catatan bergu di atas.

- A. jual kedai terima tunai RM 80 000.00
- B. beli kedai dengan tunai RM 80 000.00
- C. jualan tunai RM 80 000.00
- D. jualan kedai dan terima cek RM 80 000.00

54.

Dt	Akaun Tunai	Kt
Jan 1 Q RM200	Jan 10 Tambang RM 50	
	15 Elektrik RM 30	
	30 Z RM120	
	<u>RM200</u>	<u>RM200</u>

Butir yang sesuai bagi Z ialah

A. baki

B. baki h/b

C. baki b/b

D. tunai

55 .

Akaun Bank

Feb 1	Baki b/b	RM30 000	Feb. 1	Simpanan Tetap	RM20 000
-------	----------	----------	--------	----------------	----------

Akaun Simpanan Tetap

Feb 1	Bank	RM 20 000
-------	------	-----------

Catatan yang betul mengenai akaun di atas

- I . Feb 1 baki tunai ditambah RM 30 000
- II . Feb 1 baki tunai di bank RM 30 000
- III . Feb 1 simpanan dalam Akaun Simpanan Tetap RM 30 000
- IV . Feb 1 keluar tunai dari bank dan masuk ke Akaun Simpanan Tetap

- A. I, dan III
- B. II, dan III
- C. I , dan IV
- D. II, dan IV

Berikut ialah urusanniaga Pasaraya Mini Lahat pada tahun 2006

Jan 4	Beli barang niaga secara kredit daripada pemborong Lian RM 700.00
Jan 10	Pulangkan barang salah jenama kepada Pemborong Lian RM 40.00
Jan 24	Bayar Pemborong Lian dengan tunai RM 660

56. Berdasarkan urusanniaga di atas apakah dokumen yang diterima oleh Pasaraya Mini Lahat pada 4

Jan 2006

- A. Bil Tunai
- B. Resit
- C. Nota Debit
- D. Invois

57. Pada 10 Jun 2005 Lokman memulakan perniagaan komputer dengan menggunakan simpanan sendiri RM 25, 000 sebagai modal permulaan . Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut

- A.

Akaun Tunai
Jun 10 modal 25 000

Akaun Modal
Jan 10 Tunai 25 000
- B.

Akaun Modal
Jan 10 Tunai 25 000

Akaun Tunai
Jan 10 Modal 25 000
- C.

Akaun Lokman
Jan 10 Tunai 25 000

Akaun Tunai
Jan 10 Lokman 25 000
- D.

Akaun Tunai
Jan 10 Lokman 25 000

Akaun Lokman
Jan 10 Tunai 25 000

58. Catatan di sebelah kredit Akaun Alatan Pejabat menunjukkan mesin taip

- A. dibeli

- B. dibaiki
- C. dijual
- D. disewa

59.

ORKID BERHAD.

Perkataan 'BERHAD' dalam pendaftaran nama perniagaan bermaksud

- A. Modal Pemilik terhadap
- B. Bilangan pemegang saham terhadap
- C. Liabiliti pemegang saham terhadap kepada modal saham
- D. Jualan saham terhadap

April 1	Baki ditangan	RM 300.00
	Baki di bank	RM 2000.00
3	Beli rak buku dengan cek	RM 500.00
10	Jualan Tunai	RM 500.00
20	Bayar sewa dengan cek	RM 200.00

60. Berdasarkan catatan di atas berapakah baki bank pada akhir bulan April?

- A. RM 500 .00
- B. RM 1300.00
- C. RM 1000.00
- D. RM 2000.00

JAWAPAN KHB-PK

31	D
32	A
33	C
34	D

35	D
36	A
37	A
38	D
39	A
40	B
41	B
42	C
43	A
44	B
45	C
46	B
47	D
48	C
49	A
50	C
51	C
52	B
53	A
54	B
55	D
56	D
57	A
58	C
59	C
60	B

	A	B	C	D
Bilangan soalan	8	7	8	7